

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG DPIM KE-9
DI DEWAN REDANG, HOTEL GRAND CONTINENTAL KUALA TERENGGANU
23 SEPTEMBER 2002

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) kerana telah sudi menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung DPIM Ke-9 yang berlangsung hari ini di Kuala Terengganu. Saya merasa gembira kerana pada kesempatan ini saya berpeluang bukan sahaja bertemu dengan rakan-rakan lama saya tetapi dapat berucap di hadapan para usahawan yang bernaung di bawah DPIM ini.

2. Saya juga mengucapkan tahniah kepada DPIM yang telah berusaha menubuhkan cawangan di hampir setiap negeri di Malaysia. Usaha ini harus diberi penghargaan kerana disamping Kerajaan menggalakkan semua rakyat supaya terus berusaha memajukan diri dan negara, kita juga memerlukan sokongan dari badan dan organisasi bukan kerajaan untuk mengembeling minda rakyat supaya bersatu padu dan berusaha meningkatkan martabat bangsa Malaysia. Pada waktu ini pula umat Islam perlu menguatkan ikatan dan mengukuhkan perpaduan serta ketahanan minda supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan pelbagai anasir dan fahaman yang boleh menyesatkan umat Islam itu sendiri. Saya percaya DPIM mampu memainkan peranan yang besar dalam usaha untuk menyatupadukan pelbagai golongan dan peringkat usahawan dan ahli-ahli ihtisas Islam samada diperingkat negeri mahupun kebangsaan dan antarabangsa untuk faedah dan kepentingan umat Islam seluruhnya. Yang pentingnya disini adalah umat Islam mesti keluar dari kekompong kemiskinan dan berusaha untuk meningkatkan taraf ekonomi umat Islam. Hari ini apabila kita berbicara mengenai Islam, kita bukan lagi berbincang dalam lingkungan fardu ain sahaja tetapi hendaklah melebarkan skop itu kepada aspek yang lebih luas lagi, iaitu pembangunan ilmu, pendidikan, pembangunan ekonomi dan perniagaan. Saya percaya inilah yang diusahakan selama ini oleh DPIM.

3. Untuk itu Kerajaan juga berperanan bagi memastikan usaha untuk membangunkan usahawan Islam di negara ini dilakukan secara berterusan. Kita akan pastikan usahawan Islam berjaya bukan sahaja di dalam negara malahan mampu untuk bersaing di luar negara. Saya menyeru supaya usahawan Islam bersedia dari sekarang meningkatkan keupayaan diri terutama dari segi penguasaan ilmu I.T dan bahasa Inggeris yang menjadi bahasa perdagangan antarabangsa.

4. Kita akan membantu seberapa boleh untuk menjana ekonomi domestik. Di Negeri Terengganu ini, Kerajaan Persekutuan telah dan akan menyediakan banyak peluang dalam bentuk projek bagi kesejahteraan rakyat. Projek Pembinaan Benteng Pemecah Ombak dan Mendalam Muara Sungai Terengganu umpamanya adalah satu contoh bagaimana keperihatinan Kerajaan Persekutuan melalui Dana Khas Kerajaan Persekutuan untuk memastikan kaum nelayan dan pengusaha pelancongan dan limbungan perkapalan mendapat manfaat dan meningkatkan lagi usaha-usaha perniagaan mereka. Banyak lagi projek telah kita laksanakan disini walaupun negeri ini diperintah oleh Parti Pembangkang. Usahawan Islam mesti merebut peluang ini dan yang penting mesti berjaya melaksanakan semua peluang yang diberikan kepadanya. Dengan ini sahaja Usahawan Islam akan disegani dan diyakini oleh dunia.

5. Saya tidak nampak mengapa usahawan Islam tidak boleh berjaya seperti usahawan bukan Islam. Sebenarnya perniagaan boleh menjana kebangkitan semula umat Islam dan menepis segala tohmahan barat terhadap Islam yang dikaitkan dengan label keganasan. Ia boleh dilakukan melalui beberapa factor, antara;

- Islam mempunyai kekuatan tamadun - Islam mempunyai sumber tenaga manusia yang ramai melepasi satu billion dan - Negara Islam mempunyai sumber hasil bumi yang sangat kaya dan banyak. Ketiga-tiga fakta berkenaan adalah sumber penting kepada pembangunan teknologi dan pembangunan ummah. Untuk mencapainya secara berkesan umat Islam harus mampu membina asas ilmu - ilmu bisnes dalam Islam dan kesedaran yang tinggi untuk menghadapi globalisasi.

6. Pada masa ini terdapat 5 buah tabung untuk usahawan kecil dan sederhana di bawah Bank Negara Malaysia yang menawarkan pembiayaan secara Islam di samping pembiayaan secara konvensional. Tabung-tabung tersebut adalah Tabung Untuk Makanan (TUM) yang jumlah peruntukannya RM1.3 billion, Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana (TPIKS) sebanyak RM500 juta, Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2) sebanyak RM250 juta, Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) sebanyak RM400 juta dan Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU) sebanyak RM500 juta.

7. Kesemua dana-dana tersebut ditubuhkan untuk melihat warga niaga Islam di negara berjaya dalam lapangan perniagaan yang mereka ceburi. Disamping itu kesan sokongan (spillover effect) adalah untuk menolong mengembang pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan mutu dan jenis perniagaan yang terdapat sekarang dikalangan ahli-ahli peniaga Islam.

8. Kesemua dana-dana ini mempunyai ciri-cirinya yang tertentu untuk menolong masyarakat peniaga Islam, khasnya masyarakat Melayu tidak kira di bandar ataupun di luar bandar. Misalnya Tabung Untuk Makanan (TUM) bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran makanan untuk negara agar kita boleh mengurangkan jumlah import bahan makanan dari luar negara. Dan untuk membantu syarikat kecil dan sederhana (SKS) yang berdaya maju tetapi menghadapi masalah aliran tunai sementara, Kerajaan menubuhkan Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana (TPIKS) yang saya sebutkan tadi. Untuk mengalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat Bumiputera yang bersaiz kecil dan sederhana, Kerajaan menawarkan Tabung Usahawan baru 2 (TUB2). Begitu juga, kita menggunakan Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) untuk menjana pertumbuhan SKS dalam sektor berorientasikan eksport dan domestik. Akhir sekali, Kerajaan juga melalui Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan (TPPU) menghulur bantuan dengan memberikan pinjaman tidak berbayar dan sokongan modal kerja tambahan kepada syarikat Bumiputera yang menghadapi kesulitan tetapi masih berdaya maju.

9. Dalam kelima-lima dana tersebut, sehingga 31 Ogos 2002, kerajaan telah menerima sejumlah 9,399 bilangan peserta yang mana sebanyak RM2.8 billion telah diluluskan. Setakat ini RM2 billion telah pun dikeluarkan untuk menolong para peniaga Melayu. Dari jumlah keseluruhan tersebut, Kerajaan telah memberi kelulusan kepada 1,634 pemohon yang melibatkan pembiayaan dana secara Islam. Dalam sektor ini, kita telah meluluskan bantuan sebanyak RM144.8 juta dan telah pun mengeluarkan RM109 juta dari jumlah tersebut.

10. Untuk negeri Terengganu sahaja, setakat 31 Ogos 2002 Kerajaan telah meluluskan 432 permohonan melibatkan jumlah bantuan sebanyak RM96.5 juta.

11. Selain daripada melalui tabung-tabung di atas, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membangunkan sistem kewangan Islam yang selari dengan sistem kewangan konvensional di negara ini, institusi-institusi perbankan juga turut menawarkan berbagai-bagai produk dan perkhidmatan perbankan Islam di samping perkhidmatan secara konvensional. Dengan ini, usahawan yang beragama Islam mempunyai pilihan untuk mendapatkan pembiayaan secara Islam daripada mana-mana institusi perbankan yang menyertai skim Perbankan Islam. Dalam hal ini tidak siapapun lagi boleh menyalahkan kerajaan tidak membantu peniaga-peniaga Melayu/Islam. Kadangkala saya juga kecewa dengan tuduhan-tuduhan pihak tertentu yang menyebut bahawa kerajaan hanya membantu peniaga yang berjaya sahaja. Itu adalah tidak benar. Kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan tadi membuktikan segala-galanya.

12. Bukan ini sahaja bentuk bantuan Kerajaan terhadap rakyat, khususnya masyarakat peniaga Melayu. Di setiap Kementerian dan agensi, kita memberi peluang untuk masyarakat Melayu membentuk budaya niaga yang cekap, amanah dan berdaya maju.

13. Saya berharap melalui DPIM ini usahawan Islam akan menilai balik tentang peranan dan tanggungjawab mereka dan mesti bersungguh-sungguh menjalankan usaha meningkatkan maruah dan martabat Islam di kaca mata dunia. Tambahan lagi, Belanjawan Negara yang dibentangkan Jumaat lepas menunjukkan keprihatinan Kerajaan dalam usaha menjana pertumbuhan ekonomi di samping memberikan tumpuan yang lebih kepada sektor social terutamanya pendidikan. Kerajaan selalu prihatin dalam menentukan bahawa defisit belanjawan tidak akan sampai ke tahap yang tidak boleh dikawal. Namun, untuk tahun ini Kerajaan terpaksa mengadakan belanjawan defisit kerana ketidaktentuan di dalam suasana ekonomi dunia telah menjejaskan, sedikit-sebanyak, pemulihan dan perkembangan ekonomi negara. Walaupun begitu, Kerajaan akan sentiasa memastikan agar defisit ini berada pada tahap yang dapat dikawal dan tidak akan menjejaskan kedudukan simpanan tukaran asing (foreign exchange) kita. Kita bukan seperti pihak pembangkang yang tidak pernah melakukan apa-apa projek atau pembangunan untuk negara ini atau rakyatnya tetapi hanya mampu menyediakan belanjawan ala-pembangkang untuk tujuan mendapat "political mileage" semata-mata.

14. Saya ingin menyentuh tentang soal pendidikan kerana saya berpendapat bahawa dalam soal ini, DPIM harus memainkan peranan yang lebih besar dan penting tanpa menyerahkan hal pendidikan bulat-bulat kepada Kerajaan. Tidak berapa lama dulu, kita telah terbaca tentang begitu ramai pelajar-pelajar Melayu yang tidak dapat melanjutkan pelajaran walaupun mempunyai keputusan yang cemerlang kerana tidak mampu membayar yuran kolej atau universiti. Di sini, DPIM boleh memainkan peranan yang amat besar dengan mengadakan tabung khas untuk menaja pelajar-pelajar Melayu cemerlang ke institusi-institusi pendidikan tinggi. Walaupun Kerajaan telah menyediakan pelbagai tabung khas untuk tujuan ini, namun jumlah pemohon terlalu ramai sehinggakan ada yang mungkin tidak boleh menerima kemudahan ini. Dengan kerjasama badan-badan korporat dan swasta seperti DPIM, kami yakin bahawa lebih ramai lagi anak-anak Melayu akan mendapat peluang untuk melanjutkan pendidikan mereka ke tahap yang tertinggi.

15. Dengan kata-kata dan harapan tersebut, saya dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, saya merasmikan Mesyuarat Agung DPIM Ke-9 pada hari ini.

Terima kasih.